

13/BKH/2025



AGensi KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

GAGAL PATUHI SYARAT IMIGRESEN, 11 WARGA DITOLAK MASUK MALAYSIA

ALOR SETAR, 6 Ogos 2025 – Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) telah mengambil tindakan tegas dengan mengeluarkan Notis Penolakan Masuk (NPM) terhadap seramai 11 orang warganegara asing di Kompleks Imigresen, Kuarantin, Kastam dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam, di sini, semalam.

Tindakan penguatkuasaan ini diambil selepas kesemua individu tersebut didapati telah melakukan pelbagai kesalahan dan gagal mematuhi syarat kemasukan seperti yang termaktub di bawah Seksyen 8(3), Akta Imigresen 1959/63.

Kesemua individu yang ditolak masuk ini terdiri daripada sembilan (9) lelaki dan dua (2) perempuan, yang merupakan warga Bangladesh, Thailand, India dan Sri Lanka.

Selaras dengan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang berkuat kuasa, kesemua warganegara asing tersebut telah diarahkan untuk berpatah balik ke negara asal mereka melalui pintu masuk yang sama dengan serta-merta.

AKPS memandang serius setiap percubaan untuk memasuki negara tanpa mematuhi undang-undang yang ditetapkan dan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang cuba mengeksploitasi kemudahan imigresen negara. Tindakan tegas ini adalah sebahagian daripada komitmen berterusan AKPS untuk menjaga kedaulatan dan keselamatan sempadan negara daripada sebarang bentuk ancaman.

AKPS akan terus memperketatkan kawalan dan pemeriksaan di semua pintu masuk negara bagi memastikan hanya pelawat asing yang tulen dan memenuhi syarat sahaja dibenarkan masuk ke Malaysia.

Gambar berkaitan:

https://drive.google.com/drive/folders/1zvjl4gAggITRfQ8-P_cKK0V4Gd_q5jNI?usp=drive_link

TAMAT

6 OGOS 2025

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

AGensi KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

KEMENTERIAN DALAM NEGERI